



**JABATAN PENGAI'RAN DAN SALIRAN  
NEGERI PULAU PINANG**

**DOKUMEN SEBUTHARGA**

**UNTUK KERJA MENCEGAH HAKISAN TEBING SUNGAI KERIAN,  
KEBUN BARU , NIBONG TEBAL ,  
SEBERANG PERAI SELATAN.**

**No. SEBUTHARGA :**

**JPS/N/SH/SPS/D/20-2012**



**Jurutera Daerah  
Seberang Perai Selatan  
Jabatan Pengairan Dan Saliran  
Komplek Pejabat Kerajaan Sg. Jawi  
14200 Seberang Perai Selatan**



**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN  
PULAU PINANG**

**Tajuk Kerja : KERJA MENCEGAH HAKISAN TEBING SUNGAI  
KERIAN, KEBUN BARU , NIBONG TEBAL ,  
SEBERANG PERAI SELATAN.**

**No. Sebutharga : JPS/N/SH/SPS/D/20-2012**

**Isi Kandungan**

| Bil | Keterangan   |
|-----|--|
| 1   | <b>Kenyataan Sebutharga</b>  |
| 2   | <b>Dokumen A – Arahan Kepada Kontraktor</b><br><b>Lampiran A1 – Surat Akuan Pembida.</b><br><b>Lampiran A2 – Surat Akuan Pembida Berjaya</b> |
| 3   | <b>Dokumen B – Syarat-Syarat sebutharga</b>  |
| 4   | <b>Dokumen C – Borang Sebutharga</b>   |
| 5   | <b>Dokumen D – Jadual Kadar Harga</b>  |
| 6   | <b>Dokumen E – Kehendak Permulaan Dan Syarat-Syarat Am</b>   |
| 7   | <b>Spesifikasi</b>   |
| 8   | <b>Dokumen 1(1) – Senarai Kerja Yang Telah Siap</b>  |
| 9   | <b>Dokumen 1(2) – Rekod Pengalaman Penyebutharga</b>   |
| 10  | <b>Pelan Punca</b>   |
| 11  | <b>Pelan Pembinaan</b>   |

**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN**



**KENYATAAN SEBUTHARGA**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

| No. SEBUTHARGA         | TAJUK KERJA  |
|------------------------|--|
| JPS/N/SH/SPS/D/20-2012 | <b>KERJA MENCEGAH HAKISAN TEBING SUNGAI KERIAN, KEBUN BARU , NIBONG TEBAL ,SEBERANG PERAI SELATAN.</b> |

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebutharga ini hendaklah berdaftar dengan:

- i) **PKK di dalam KELAS F di bawah Kepala I, Sub-kepala 7(a) dan 7(b)**
- ii) **CIDB di bawah tajuk G1 CE 21 atau G2 CE 21**
- iii) **Berdaftar dengan e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

3. Segala maklumat dan dokumen Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat di Pejabat Jurutera Daerah JPS Seberang Perai Selatan, Ting.3, Komplek Pejabat Kerajaan Sg. Jawi mulai dari **27 JANUARI 2012 hingga 8 FEBRUARI 2012**.

4. Dokumen Sebutharga boleh diperolehi dari laman web e-perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan bayaran sebanyak **RM 10.00**.

5. **Pendaftaran sebutharga pada 8 FEBRUARI 2012 akan bermula dari jam 9.00 pagi hingga 9.30 pagi sahaja.** Sesiapa yang hadir selepas jam 9.30 pagi tidak akan dibenarkan mendaftar untuk sebutharga ini.

6. \*Taklimat / Lawatan tapak akan diadakan pada **8 FEBRUARI 2012 jam 9.30 pagi** di **Rumah Pam Nibong Tebal , Seberang Perai Selatan**.

7. Sebutharga ini akan ditutup pada **15 FEBRUARI 2012**. Dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga di Pejabat Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Daerah Seberang Perai Selatan, Ting 3, Komplek Pejabat Kerajaan Sg. Jawi**, tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada hari tersebut. Resit pembelian hendaklah dikepilkan bersama Borang Sebutharga.

*Nota :*

\* Sesi Taklimat adalah DIWAJIBKAN dan hanya TUAN LESEN kontraktor yang ditauliahkan dijemput menghadiri sesi taklimat dibenarkan memperolehi Dokumen Sebutharga.

---

Jurutera Daerah  
JPS Seberang Perai Selatan.

**ARAHAN KEPADA KONTRAKTOR**

**1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUTHARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

**2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

**2.1 Penyediaan Sebutharga**

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya.

- (a) **Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebutharga,**
- (b) **Harga, tempoh dan tandatangan dalam borang Sebutharga,**
- (c) **Senarai Kerja Dalam Tangan,**
  - (d) **Lampiran Spesifikasi yang ditandatangani**

*Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.*

**2.2 Penyerahan Dokumen Sebutharga**

- (a) Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebutharga No. JPS/N/SH/SPS/D/20-2012 serta tajuk Sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebutharga.
- (b) Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Kontraktor hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.
- (d) Kegagalan Kontraktor mengembalikan Dokumen Sebutharga pada tarikh tutup Sebutharga akan membolehkan Kerajaan mengambil tindakan tatatertib.

**2.3 'Integrity Pact'**

- a) **Penyebut harga wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida seperti dilampiran A bersama-sama dengan \*Dokumen Sebutharga dimana ia berwaad untuk tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogukan untuk dipilih dalam tawaran tersebut. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga**

melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menanatangani bagi pihak Syarikat.

- b) Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian sebutharga peringkat pertama. Sekiranya pembida gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut yang telah ditandatangani oleh pegawai syarikat yang bertauliah, pembida tersebut akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian peringkat pertama (gagal mengemukakan dokumen wajib) dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan.
- c) Kontraktor yang berjaya wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di lampiran B beserta dengan \*Surat SetujuTerima / Borang Perjanjian Inden Kerja yang telah ditandatangani dimana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapat kontrak. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Perjanjian Sebutharga.

#### **2.4 Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebutharga yang tidak jelas atau bercanggah, kontraktor boleh menghubungi Pejabat ini untuk penjelasan lanjut.

### **3. PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

### **4. TEMPOH SAH SEBUTHARGA**

Sebutharga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebutharga. Kontraktor tidak boleh menarik balik Sebutharga sebelum tamat tempoh sah Sebutharga. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Kontraktor menarik balik Sebutharga sebelum tamat tempoh sah Sebutharga.

### **5. TEMPOH BANTAHAN**

Tempoh bantahan adalah ditetapkan selama 7 hari.

**SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA UNTUK PERKHIDMATAN**

**1. PEMERIKSAAN TAPAKBINA**

Kontraktor adalah dinasihatkan untuk memeriksa dan meneliti Tapakbina dan sekitarnya, bentuk dan jenis Tapakbina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke Tapakbina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjelas Sebutharganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

**2. BON PERLAKSANAAN/INSURANS**

- (a) Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam \* dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh perlaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pengawai Inden berhak mengambil tidakan seperti di bawah pasal 9(d).

**3. PERATURAN PELAKSANAAN KERJA**

- 3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebutharga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebutharga ini dan arahan Pegawai Inden atau wakilnya.

**4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA**

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas 7 hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden Kerja tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden Kerja akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

\*Potong jika tidak diperlukan

## **5. SUB-SEWA DAN MENYERAHKAN KERJA**

Kontraktor tidak dibenarkan mengasub-sewakan kerja kepada kontraktor-kontraktor lain, kontraktor tidak boleh menyerahkan apa-apa faedah dibawah Inden Kerja tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

## **6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN KERJA OLEH PEGAWAI INDEN**

Pegawai Inden atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan kerja-kerja yang tidak menepati spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggug oleh kontraktor sendiri.

## **7. RINGKASAN SEBUTHARGA**

- (i) Ringkasan Sebutharga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebutharga ini dan hendaklah menjadi atas Jumlah Harga Sebutharga.
- (ii) Harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi menyiapkan kerja dengan sempurnanya.
- (iii) Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan semua duti dan cukai kerajaan, sama ada dalam tempoh sah Sebutharga atau dalam tempoh kerja.
- (iv) Harga-harga dalam ringkasan sebutharga yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah tetakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam ringkasan sebutharga hendaklah dibuat sebelum Inden kerja dikeluarkan.
- (v) Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebutharga menurut perenggan (iv) tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga hendaklah tetap tidak berubah.

## **8. PERCANGGAHAN DALAM DOKUMEN SEBUTHARGA**

Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebutharga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

## **9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR**

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden Kerja sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden.

- (a) **Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan;**
- (b) **Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;**

- (b) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian kerja, tanpa apa-apa sebab munasabah;
- (c) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (d) Apabila Kontraktor diisyiharkan bankrap atau muflis.

#### **10. KERJA PERUBAHAN**

- (a) Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan Pegawai Inden atau disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebutharga ini.
- (b) Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/ringkasan sebutharga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

#### **11. TEMPOH LIABILITI KECACATAN**

Kontraktor hendaklah membaiki apa-apa ketidaksempurnaan atau apa-apa kerosakan lain dalam tempoh Liabiliti Kecacatan, iaitu dalam tempoh kerja pusingan.

#### **12. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR**

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak undang-undang kecil dan undang berkanun dalam Malaysia semasa perlaksanaan kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhaninya dengan syarat-syarat ini.

#### **13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP**

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah Kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan mengembalikan Inden Kerja Asal. Sekiranya kerja-kerja tersebut tidak disiapkan dengan sempurna, pemotongan bayaran akan dibuat mengikut kemunasabahan Pegawai Pengguna.

**BORANG SEBUTHARGA**

No. Sebutharga : JPS/N/SH/SPS/D/20-2012

**Jabatan Pengairan Dan Saliran  
Seberang Perai Selatan,  
Tingkat 3, Kompleks Pejabat Kerajaan,  
14200 Sungai Jawi.**

Tuan,

**Sebutharga Untuk :**

**KERJA MENCEGAH HAKISAN TEBING SUNGAI KERIAN, KEBUN BARU ,  
NIBONG TEBAL ,SEBERANG PERAI SELATAN.**

---

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Pentender, Syarat-syarat Sebutharga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak

**Ringgit  
Malaysia.....**

**(RM .....)**

**2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dengan sempurna dan memuaskan dalam masa Dua Belas (12) minggu dari tarikh mula kerja seperti yang di tetapkan di bawah Fasal 2 Borang Inden Kerja.**

**Bertarikh pada ..... haribulan .....2012.**

.....  
**(Tandatangan Pentender)**

.....  
**(Tandatangan Saksi)**

**Nama Penuh : .....**

**Nama Penuh: .....**

**No. K/P : .....**

**No.K/P: .....**

**Alamat : .....**

**Alamat: .....**

.....  
**Atas sifat : .....**

.....

.....  
**Meteri atau Cop Syarikat**

## JADUAL KADAR HARGA

No. Sebutharga : JPS/N/SH/SPS/D/20-2012

**KERJA MENCEGAH HAKISAN TEBING SUNGAI KERIAN, KEBUN BARU , NIBONG  
TEBAL ,SEBERANG PERAI SELATAN.**

| Bi<br>I | Keterangan Kerja   | Unit        | Kuantiti | Kadar<br>(RM) | Jumlah<br>(RM) |
|---------|--|-------------|----------|---------------|----------------|
| 1.      | <p>Kehendak kerja-kerja permulaan sebagai mana yang ditetapkan dalam kerja-kerja JPS, antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Polisi Tanggungan Awam, Pekerja.</li> <li>b) Jalan masuk dan kerja lain yang berkaitan.</li> <li>c) Membaiki tapak kerja selepas siap</li> <li>d) Gambar-gambar saiz 4R sebelum, semasa dan selepas dibuat Profile gambar kerja.</li> <li>e) Gambar-gambar disimpan dalam satu "Pendrive" 4GB.</li> <li>f) Polisi Insurans &amp; Liabiliti Awam.</li> </ul> | Harga Pukal |          | .....         | .....          |
| 2.      | <p>Menyediakan segala keperluan tenaga buruh, mesin dan lain-lain peralatan bagi melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja pencegahan hakisan tebing sungai kerian (anggaran – 90m panjang), Nibong Tebal Di Seberang Perai Selatan seperti berikut:-</p> <p>i. Membekal, Mengangkut dan Menyusun Lapisan Batu Gred A (Seperti Dalam Spesifikasi) Sebagai Lapisan Asas (TOE)</p>   | tone        | 900      | .....         | .....          |
|         | <p>ii. Membekal, Menghampar 1 lapisan fabric Geotextile jenis TS 700 sebagai lapisan pemisah.</p>  | m2          | 900      | .....         | .....          |
|         | <p>iii. Membekal, Mengangkut dan Menyusun Lapisan Underlayer, "Revertment" Seperti Dalam Spesifikasi) Batu Grade B (47.4kg-79.0kg, 300-380mm. diameter) Setebal 600mm.</p>   | m3          | 600      | .....         | .....          |
|         | <b>Jumlah Di Bawa Ke Hadapan</b>   |             |          |               |                |

|  |   |    |       |       |       |
|--|---|----|-------|-------|-------|
|  | iv. Membekal, Mengangkut dan Menyusun Lapisan 'Armour Revertment' Layer Seperti Dalam Spesifikasi) Batu Gred A (474kg.-790kg, 650-770mm diameter) Setebal 1250mm. | m3 | 1,250 | ..... | ..... |
|  | v. Membekal, menambun dan mengejabkan tanah leterite mengikut arahan pegawai penjaga.   | m3 | 200   | ..... | ..... |
|  | <b>JUMLAH HARGA DIBAWA KE BORANG SEBUTHARGA:</b>  |    |       |       |       |

(Ringgit Malaysia : .....

( RM .....)

Kuantiti ini adalah hanya sebagai panduan sahaja kepada kontraktor dan Jabat ini tidak menjamin ketepatannya. Kerja-kerja adalah mengikut Sebutharga dan Spesifikasi yang dikepulkan serta arahan Pegawai Penguasa.

## KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM

|    |  |  |
|----|--|--|
| 1  | Skop Kerja                                     | 1.1 Kerja yang diliputi dalam Sebutharga ini adalah kerja-kerja pencegahan hakisan ban pantai di kawasan Ban Sungai Kerian, Seberang Perai Selatan. Kesemua Kerja yang dilaksanakan hendaklah mengikut spesifikasi dan kelulusan sepenuhnya oleh Pegawai Penguasa yang kemudian ini disebut sebagai P.P.   |
| 2. | Tempat Letak Tapakbina                         | 2.1 Tapakbina ini terletak di Ban Sungai Kerian , Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan.  |
| 3. | Harta Benda Yang Bersebelahan                  | 3.1 Dimana harta benda yang bersebelahan dengan tapak kerja sentiasa digunakan oleh Majikan/tuanpunya-tuanpunya dan penghuni-penghuni yang bersebelahan. Kontraktor hendaklah mengatur dan menjalankan kerja itu dengan gangguan atau halangan yang minimum kepada penggunaan harta benda yang bersebelahan itu termasuk jalan-jalan, lorong-lorong jalankaki, lain-lain laluan dan sebarang, perkhidmatan di situ. Dia hendaklah menurut segala arahan atau petunjuk yang diberikan oleh P.P. di dalam hal-hal ini.   |
| 4. | Laluan Dan Jalan Sementara                     | 4.1 Kontraktor hendaklah mengada dan menyenggarakan semua jalan masuk sementara ke tapak kerja, pembentong, lorong, jambatan sementara dan lain-lain yang perlu untuk laluan ke kawasan dan di dalam kawasan tapak kerja sepanjang mana yang diperlukan mengikut yang diluluskan oleh P.P. Lokasi laluan ke tapak kerja yang akan dibuat hendaklah seperti yang ditandakan di atas pelan tapak kerja atau sepetimana yang diluluskan oleh P.P. dan Kontraktor hendaklah membuat segala urusan dan mendapatkan semua kelulusan dan keizinan yang dikehendaki atas perbelanjaannya sendiri.  |
| 5. | Saliran Tapakbina                              | 5.1 Kontraktor hendaklah mengadakan saliran yang sepatutnya untuk air permukaan dari tapakbina termasuk air hujan dari kawasan sekeliling yang mengalir ke tapak bina.<br>5.2 Kontraktor hendaklah dengan perbelanjaannya sendiri, memperuntukkan, membentuk, memasang dan menyenggarakan apa-apa pam, pelongsor, dinding, longkang, batas-batas, perangkap-perangkap lumpur dan lain-lain kerja sementara yang perlu untuk saliran tapakbina yang sepatutnya supaya tidak berlaku banjir atau lain-lain kerosakan atau gangguan kepada kawasan-kawasan disekeliling kerja atau kepada kerja di sepanjang tempoh kontrak.                                      |
| 6. | Kerosakan Kepada Jalan-Jalan Yang Sediada Dll. | 6.1 Kontraktor hendaklah mengatur untuk membawa bahan-bahan, loji-loji dan sebagainya supaya kerosakan kepada jalan-jalan dan pembentung-pembentung yang sedia ada adalah minimum. Kontraktor hendaklah bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan yang disebabkan oleh loji-loji atau pekerja-pekerjanya ke atas mana-mana jalan, pembentong dan sebagainya dan hendaklah menyenggara dan memperbaiki kerosakan-kerosakan itu mengikut sepetimana yang diluluskan oleh P.P atau sebaliknya, dia hendaklah menanggung kos penyenggaraan dan pemulihan tersebut sebagai potongan dari wang yang kena dibayar atau genap masanya dibayar kepada Kontraktor ini. |

|     |   |   |
|-----|---|---|
| 7.  | Pekerja-Perkerja Dibataskan Ditapakbina         | 7.1 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab supaya semua orang di bawah kawalannya, termasuk mereka yang bekerja dengan Kontraktor – Kontraktor Kecil, pembekal-pembekal dan pengangkut-pengangkut dibataskan ditapak kerja dan hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengelakkan kerosakan dan apa jua gangguan dan hendaklah melepaskan tanggungan Kerajaan terhadap sebarang tuntutan yang timbul darinya.  |
| 8.  | Pengambilan Kerja Buruh Tempatan Sub-Kontraktor | 8.1 Semua buruh dan Sub-Kontraktor yang digunakan untuk kerja ini hendaklah diambil dari daerah atau negeri di mana kerja itu terletak. Kontraktor hendaklah sebaik sahaja selepas mengambil pemilikan tapakbina, berurus dengan Pejabat Buruh Tempatan, Pegawai Daerah atau Penghulu untuk pengambilan mereka bekerja. Dalam mana-mana keadaan sekalipun Kontrak tidak dibenarkan menggunakan buruh-buruh dan Sub-Kontraktor yang diimport melainkan P.P berpuashati bahawa mereka tidak boleh diperolehi didalam daerah atau negeri yang berkenaan.   |
| 9.  | Butir-Butir Pekerja                             | 9.1 Kontraktor hendaklah memberi kepada P.P. menyenggara dan mengemaskinikan satu senarai mengandungi semua pekerja-pekerjanya termasuk kesemua pekerja yang diambil bekerja oleh Sub-Kontraktor atau kesemua butiran di dalam borang yang dinyatakan di dalam Lampiran yang berkenaan pada Spesifikasi ini.  |
| 10. | Gambar Foto Kemajuan Kerja                      | 10.1 Kontraktor hendaklah mengambil gambar-gambar kemajuan kerja pada tiap-tiap cucian dalam bentuk digital pada tiap-tiap sessi kerja pusingan sepetimana yang diarahkan oleh P.P. Bilangan purata gambar foto yang diambil tiap-tiap cucian pada sessi kerja pusingan hendaklah mencukupi bagi menunjukkan kemajuan kerja cucian tetapi hendaklah tidak kurang daripada tiga pemandangan satu pusingan dan Kontraktor hendaklah menyerahkan kepada P.P dalam bentuk ‘Thumbdrive’ yang dipersetujui bersaiz 8 GB, bersama-sama dengan tiga keping salinan gambar foto digital berwarna bersaiz poskad bagi setiap pemandangan yang diluluskan. Kesemua gambar foto digital tersebut hendaklah dicatitkan dengan tajuk dan tarikh ianya diambil. Kontraktor hendaklah juga membekalkan album yang sesuai untuk simpanan gambar tersebut dengan selamat. |

\* Berikan butir-butir

\*\* Terangkan sebarang kehindaran yang tertentu

**SPESIFIKASI**

**KERJA MENCEGAH HAKISAN TEBING SUNGAI KERIAN, KEBUN BARU ,  
NIBONG TEBAL ,SEBERANG PERAI SELATAN.**


1. Sebutharga ini adalah termasuk menyediakan segala tenaga manusia, mesin jengkaut & segala alat perkakas untuk kerja-kerja pencegahan hakisan ban Sungai Kerian, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan. Segala tumbuhan dan sebarang pokok yang tumbuh berada di tapak ini hendaklah di bersihkan dan dibuang.
2. Harga Sebutharga ini termasuk sewaan mesin untuk pemindahan dan penyusunan batu serta kerja-kerja berkaitan, penyediaan kerja-kerja sementara untuk pengukuhan kawasan tebing seperti menyediakan sheet pile atau lain-lain penahan yang diluluskan.
3. Batu yang digunakan adalah seperti dalam jadual dibawah:

| Type Of Rocks | Minimum           | Median (W50)      | Maximum           |
|---------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| Grade A       | 474kg<br>(650mm)  | 632kg<br>(710mm)  | 790kg<br>(770mm)  |
| Grade B       | 47.4kg<br>(300mm) | 63.2kg<br>(320mm) | 79.0kg<br>(380mm) |

4. Kontraktor hendaklah dengan tekunnya menghantar salinan penghantaran batu untuk rekod dan semakan setiap hari untuk makluman pegawai penguasa.
5. Lukisan pembinaan yang disertakan adalah sebagai panduan dan semua kerja-kerja ditapak hendaklah menurut seperti lukisan pembinaan. Sekiranya terdapat sebarang masalah, pihak kontraktor hendaklah menghubungi pegawai penguasa untuk pengesahan.
6. Kuantiti untuk kerja-kerja ini adalah bersandarkan kepada pembekalan batu-batu tersebut dan juga tertakluk kepada panjang penyiapan.

Spesifikasi diatas telah dibaca )  
dan difahami sepenuhnya ) Tandatangan kontraktor :  
dan akan mematuhi syarat-syarat ) Nama dan Cop :  
yang telah di tetapkan )

## **PELAN PUNCA**



**TAPAK BINA**

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**Bagi**

**Tajuk Sebutharga:** **KERJA MENCEGAH HAKISAN TEBING SUNGAI KERIAN,  
KEBUN BARU , NIBONG TEBAL ,SEBERANG PERAI  
SELATAN.**

**No. Sebutharga:** **JPS/N/SH/SPS/D/20-2012**

Saya, ..... nombor K.P. ....  
yang mewakili .....

Nombor pendaftaran ..... dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pengairan dan Saliran** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga\* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pengairan dan Saliran** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga\* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- i. penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga\* di atas; atau
- ii. penamatan kontrak bagi tender/sebutharga\* di atas; dan
- iii. lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

Saksi,

.....  
Nama:

.....  
No. K.P:

.....  
Cop Syarikat:

.....  
Nama:

.....  
No KP:

**Catatan: \* Potong mana yang tidak berkaitan**

## SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Bagi

**Tajuk Sebutharga:** KERJA MENCEGAH HAKISAN TEBING SUNGAI KERIAN,  
KEBUN BARU , NIBONG TEBAL ,SEBERANG PERAI  
SELATAN.

**No. Sebutharga:** JPS/N/SH/SPS/D/20-2012

Saya, ..... nombor K.P. ....

yang mewakili .....

Nombor pendaftaran ..... dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pengairan dan Saliran** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebutharga\* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pengairan dan Saliran** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebutharga\* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- i. penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga\* di atas; atau
- ii. penamatkan kontrak bagi tender/sebutharga\* di atas; dan
- iii. lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebutharga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

Saksi,

.....  
Nama:

.....  
Nama:

No. K.P:

No KP:

Cop Syarikat:

Cacatan: \* Potong mana yang tidak berkaitan

## A. Rekod Pengalaman Kontraktor

| Bil. | Nama Projek | Jabatan/<br>Agensi Yang<br>Mengawasi<br>Projek | Harga<br>(RM) | Tempoh Projek  |                       |                        |
|------|-------------|--|---------------|----------------|-----------------------|------------------------|
|      |             |  |               | Tarikh<br>Mula | Tarikh<br>Jadual Siap | Tarikh Siap<br>Sebenar |
|      |             |  |               |                |                       |                        |

\*Kontraktor perlu mendapat pengesahan dari jabatan/agensi yang mengawasi projek bagi setiap kerja yang disenaraikan

**B. Senarai Kerja-kerja Dalam Tangan**

| Bil. | Nama Projek | Jabatan/<br>Agensi Yang<br>Mengawas<br>Projek | Harga<br>(RM) | Tempoh Projek  |                       |
|------|-------------|---|---------------|----------------|-----------------------|
|      |             |   |               | Tarikh<br>Mula | Tarikh<br>Jadual Siap |
|      |             |   |               |                |                       |

\*Kontraktor perlu mendapat pengesahan dari jabatan/agensi yang mengawasi projek bagi setiap kerja yang disenaraikan